

Polis tahan 69 pekerja di 10 premis disyaki sedia khidmat mencurigakan

JSJ gempur kedai urut Bukit Bintang

Oleh AZMI NORDIN

KUALA LUMPUR – Polis Bukit Aman seakan ‘mengamuk’ apabila menggempur 10 premis yang menjalankan perkhidmatan urut menggunakan pekerja wanita seksi bagi memancing pelanggan berhidung belang di sekitar Jalan Changkat dan Bukit Bintang di sini kelmarin.

Op Noda Mega bermula pukul 3 petang hingga tengah malam dan melibatkan 55 anggota termasuk pegawai itu menyasarkan kedai urutan refleksologi yang disyaki menjalankan aktiviti tidak bermoral.

Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman memberitahu, serbuan itu dapat menahan 48 wanita dan 21 lelaki warga asing yang disyaki bekerja sebagai tukang urut.

Katanya, polis turut merampas wang tunai RM3,979, video rekorder CCTV, modem wifi, kertas jadual kerja tukang urut,



SEBAHAGIAN tukang urut warga asing yang diberkas selepas polis menyerbu 10 premis di Jalan Changkat dan Bukit Bintang, Kuala Lumpur kelmarin.

risalah iklan, buku catatan hasil, minyak urut, tuala, tisu dan salinan lesen perniagaan.

“Kesemua premis itu menggajikan wanita dan lelaki warga

asing sebagai tukang urut tanpa permit yang sah,” katanya.

“Turut ditahan ialah tiga pelanggan lelaki warga asing yang menerima perkhidmatan uru-

tan dan tiada memiliki dokumen yang sah,” katanya.

Menurut Bukit Aman, pekerja akan berdiri di depan pintu premis sambil menawarkan

khidmat urut kepada orang ramai dan pelancong asing yang lalu di situ.

Tambahnya, semakan mendapati lapan premis beroperasi tanpa sebarang lesen perniagaan yang sah.

“Kita percaya ada pekerja yang memakai seksi turut menawarkan khidmat aktiviti tidak bermoral kepada pelanggan,” katanya.

Ujar Bukit Aman, operasi urut berjalan selama 17 jam bermula pukul 11 pagi setiap hari dengan pakej RM60 hingga RM105 sejam untuk urutan kaki dan badan.

“Caj lebih akan dikenakan bergantung kepada permintaan pelanggan. Tukang urut juga menyalahgunakan pas lawatan sozial untuk bekerja,” katanya.

Kes disiasat mengikut Akta Imigresen dan Seksyen 3 (1) Undang-undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016.